

13/03/2002

RosettaNet mohon peruntukan tambahan

ROSETTANET Malaysia Bhd (RosettaNet) rangkaian pengurusan pembekal dunia bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan memohon peruntukan tambahan kerajaan untuk memastikan kegiatannya dapat berjalan lancar.

RosettaNet yang berpangkalan di Pulau Pinang dan beroperasi di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) Bayan Lepas, adalah rangkaian kelima seumpamanya ditubuhkan untuk PKS di Asia.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata beliau akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat permohonan itu.

Koh yang juga Pengerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), berkata secara kasarnya peruntukan sedia ada berjumlah RM5 bilion dijangka menarik 48 PKS tempatan menyertai RosettaNet.

"Perkembangan ini juga adalah sejajar pengalaman RosettaNet antarabangsa yang sudah mempunyai lebih 450 rakan niaga di seluruh dunia," katanya berucap di seminar RosettaNet, di Hotel Vistana, Pulau Pinang, semalam.

Sehubungan itu, Koh meminta semua pihak yang terbabit dalam bidang pembuatan agar tidak berlengah menyertai rangkaian RosettaNet.

"Berikan ia perhatian mendalam dan ambil langkah berani melakukannya sekarang juga. Jangan berlengah lagi," kata Koh sambil menambah bahawa biar pun proses itu mungkin menimbulkan kesan kurang menyenangkan, itu hanya sementara.

"Kita dapat lihat sendiri melalui seminar ini sambutannya begitu menggalakkan dan saya rasa dalam sekelip mata saja 50 peratus sasaran keanggotaan RosettaNet akan dicapai," katanya.

Beliau berkata, memandangkan sambutan yang begitu menggalakkan untuk seminar RosettaNet yang pertama ini, adalah dapat dianggarkan lebih banyak lagi yang akan turut serta apabila ia diadakan di seluruh negara kelak.

Katanya, seminar yang bertemakan 'Lakukannya Sekarang' itu juga bertepatan dengan perkembangan pesat RosettaNet Malaysia yang menjadi konsortium kelima dilahirkan di Asia selepas Jepun, Singapura, Taiwan dan Korea.

(END)